



# Suara ISLAM **صَوْتُ الْإِسْلَامِ**

**BIL. 13/2020** 18 ZULKAEDAH 1441H/10 JULAI 2020M

MAJALAH SUARA ISLAM ini diterbitkan seminggu sekali dan diedarkan setiap hari Jumaat.



**SEKOLAH MENENGAH UGAMA ISLAM TOH PUAN HAJJAH RAHMAH**

Jamiun bin Osman | Jurufoto JHEAINS

*Perhatian*

JAGALAH RISALAH INI DENGAN BAIK DAN CERMAT, KERANA  
IA MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN & HADITH NABI.






## MEMILIH BINATANG KORBAN: CARA DAN HIKMAH

Oleh: Mohammad Syafiq Ismail

*Exco Dakwah dan Tarbiah ABIM Sabah*

Segala puji bagi Allah SWT, di mana kita direzekikan untuk sampai ke penghujung tahun hijriyah 1441H, dengan ketibaan bulan Zulhijjah yang bakal menjelang dalam dua minggu lagi. Datang bersamanya juga, perayaan Hari Raya Aidiladha, yang diraikan muslimin di seluruh dunia. Musim di mana muslimin berlumba-lumba mengerjakan ibadat korban, salah satu syiar Islam yang agung. Segala puji bagi Allah SWT, di Malaysia, meski masih di tahap pemulihan daripada serangan Covid19, kita dibenarkan untuk melaksanakan ibadah ini, dengan mematuhi tatacara PKP yang ditetapkan walyyul amr kita.



Dalam kesibukan kita mencari jenis-jenis binatang korban yang syar'ie, justeru, meleklah kiranya, sekiranya kita mengenali cara-cara memilih binatang korban yang sah, dan mengimbuu sedikit sebanyak hikmahnya, agar ibadah ini lebih berasa.

Ciri-ciri binatang korban yang sah menurut Syariat:

1. Daripada jenis bahimatul an'am/binatang ternakan yang berkaki empat (ruj. surah Al-Hajj, ayat 28), seperti lembu, kerbau, sapi, kambing biasa, kambing biri-biri, dan unta. Tidak boleh berkorban dengan ayam kerana berkaki dua. Begitu juga tidak boleh berkorban dengan binatang yang biasanya menjadi binatang buruan seperti rusa/payau dan kijang. Begitu juga tidak boleh berkorban dengan kuda, keldai dan baghal, kerana ia bukan bahimatul an'am.
2. Cukup usianya. Berdasarkan hadis sahih, "Janganlah kalian sembelih melainkan (korban) yang musinnah (cukup usia)." (HR Muslim).
  - Khusus bagi mazhab Syafie, usia yang memadai bagi binatang korban ini ialah seperti berikut:
  - Minimum usia lembu/kerbau: 2 tahun, masuk tahun ketiga.
  - Minimum usia kambing biasa: 1 tahun, masuk tahun kedua.
  - Minimum usia kambing biri-biri: 6 bulan ke 1 tahun.
  - Minimum usia unta: 5 tahun masuk tahun keenam.

Antara cara mengenali usianya, sekiranya tiada pentarikhian dibuat oleh gembalanya, ialah dengan memeriksa gigi bawah binatang itu. Apabila ia - misalnya lembu - sudah berusia dua tahun, dua 'gigi kacip'nya akan lebih besar berbanding gigi lain, menandakan ia sudah boleh untuk dikorbankan.

3. Sihat dan tiada cacat cela yang jelas. Sama ada tempang, buta, telinga koyak, patah sebelah tanduk, cedera pada tubuh badan, kurus sehingga tidak mempunyai lemak, dan yang seumpama itu. Berdasarkan hadis sahih, "Tidak boleh binatang sembelihan itu: buta yang jelas kebutaannya, tempang yang jelas tempangnya, sakit yang jelas sakitnya, dan yang kurus melampau-lampau." (HR Tirmizi).

Begitu juga, para ulama menyebutkan ciri-ciri cacat cela lain yang tidak boleh dijadikan binatang korban, seperti binatang yang luruh semua giginya, dan yang berkudis teruk.

Di samping itu, disunatkan untuk kita mengorbankan binatang yang gemuk dan sihat.

Hikmah memilih binatang yang sihat dan cukup usia untuk korban:

1. Menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmat kehidupan.
2. Menghidupkan sunnah Nabi Ibrahim Alaihissalam, dan mengenang peristiwa Baginda diuji untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail, demi mematuhi perintah Allah SWT. Mengingati bahawa kejayaan akan bersama dengan sesiapa saja yang mengikut syariat-Nya; lihatlah bagaimana Allah SWT menggantikan kesedihan Nabi Ibrahim dengan kegembiraan; Allah SWT menggantikan sembelihan Ismail dengan sembelihan kambing besar.
3. Ia merupakan cara untuk berbelanja buat keluarga, dan bersedekah kepada fakir miskin. Kerana daging korban boleh disimpan dan dimakan oleh orang yang mengorbankan, begitu juga disunatkan untuk ia diagih-agihkan kepada fakir miskin agar sama-sama merasa nikmat memakan daging yang halal dan berkat itu.

Semoga Allah ta'ala menerima ibadah korban kita, dan mengganjarkan kita sebaik-baik pahala atasnya, amin.

## WASIAT UNTUK PENUNTUT ILMU

Oleh:

Mohd Azrul Nizam bin Junaidi

*Fakulti Dakwah dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia*

Nabi shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

*"Barangsiapa yang menempuh jalan dalam rangka menuntut ilmu (agama), maka akan Allah Ta'ala mudahkan baginya jalan menuju syurga." (HR. Muslim).*

### • Ikhhlaskan niat untuk Allah Ta'ala

Mengikhhlaskan niat untuk Allah Ta'ala dalam menuntut ilmu agama adalah dengan meniatkan agar diangkat kebodohan dari dirinya sendiri, kemudian diangkat kebodohan dari orang lain. Asal usul manusia adalah berada dalam kebodohan. Allah Ta'ala berfirman:

*"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur." (QS. An-Nahl: 78).*

Dan setiap yang Allah Ta'ala perintahkan adalah ibadah. Oleh kerana itu, menuntut ilmu (belajar) di majlis pengajian atau di bangku sekolah, hatta universiti sekalipun akan menjadi ibadah jika diikhhlaskan niat untuk Allah Ta'ala.

### • Mengamalkan ilmu agama

Amal adalah buah dari ilmu. Amal adalah sebab terjaganya ilmu, dan juga sebab bertambahnya ilmu. Sebagaimana perkataan Sufyan Ats-Tsauri rahimahullah,

*"Ilmu itu akan memanggil amal. Jika amal menyambutnya, (maka ilmu akan terjaga). (Jika amal tidak menyambutnya), ilmu pun pergi." (Diriwayatkan oleh Ibnu 'Abdil Barr dalam Jaami' Bayaan Al-'Ilmi wa Fadhlhi, 1: 706).*

Siapa saja yang tidak mengamalkan ilmu, dia berhak mendapatkan hukuman. Oleh kerana itu, Nabi ﷺ mengajarkan doa memohon perlindungan dari ilmu yang tidak diamalkan.

*"Ya Allah, ya Tuhanku, aku berlindung kepada-Mu dari kelemahan, kemalasan, ketakutan, kekikiran, pelupa, dan seksa kubur. Ya Allah, ya Tuhanku, berikanlah ketaqwaan kepada jiwaku, sucikanlah ia, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik Zat yang dapat mensucikannya, Engkaulah yang menguasai dan yang menjaganya. Ya Allah, ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari ilmu yang tidak berguna (tidak bermanfaat), hati yang tidak khusyuk, diri yang tidak pernah puas, dan doa yang tidak terkabulkan." (HR. Muslim no. 2722).*

### • Mendakwahkan ilmu yang telah dipelajari

Allah Ta'ala berfirman:

*"Katakanlah, inilah jalan (agama)-ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata. Maha Suci Allah, dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik." (QS. Yusuf: 108).*

Allah Ta'ala juga berfirman:

*"Dan (ingatlah), ketika Allah mengambil janji dari orang-orang yang telah diberi kitab (yaitu), "Hendaklah kamu menerangkan isi kitab itu kepada manusia, dan jangan kamu menyembunyikannya." (QS. Ali 'Imran: 187).*

Ayat di atas, meskipun pada asalnya berkaitan dengan ahlul kitab, namun berlaku umum untuk umat Islam juga.

### WANITA PERHIASAN ATAU FITNAH?

Oleh:

Anna Amelia binti Daen Mokhtar

Sebaris tajuk di atas saja sudah melahirkan pelbagai persepsi sesiapa yang membaca terutama sekali kaum hawa. Pelbagai perkara dikaitkan bila sebut tentang wanita. Sesetengah menganggap hal itu kerana wanita sudah ditakdirkan sebagai perhiasan yang menarik perhatian manusia. Ada juga yang menganggap hal tertentu timbul kerana wanita adalah fitnah dunia. Mana satu? Wanita juga menjadi fitnah terawal berlaku dalam golongan Bani Israil.

Pengguna media sosial sudah tentu maklum berkaitan isu seorang penyanyi wanita baru-baru ini yang tular ekoran perbincangan isu rogol. Video perbincangan tersebut tular selepas penyanyi tersebut seolah-olah menuding pada kaum hawa dalam permasalahan ini dan hal tersebut membangkitkan kecaman netizen tidak kira lelaki mahupun wanita. Jika diamati isu tersebut, kes rogol sebenarnya salah siapa? Perogol atau yang dirogol? Pertama sekali, sudah tentu salah perogol. Perkara tersebut adalah jelas hukumnya dosa besar. Nabi SAW berkata, sesiapa yang mampu berkahwin, maka kahwinlah. Kerana kahwin itu boleh menundukkan pandangan dan menjaga kehormatan. Sekiranya tidak mampu, maka berpuasalah. Ini ialah jalan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW untuk mengelakkan diri terjebak dalam hal tersebut.

Selain itu, walaupun jelas pesalah utama ialah lelaki (perogol), kita berbalik pada penuding sebelum menuding. Wanita juga tidak lari daripada menjadi pesalah dalam hal ini. Hal ini kerana kita melihat pada titik utama perogol terdetik keinginannya. Sudah tentu daripada wanita. Kenapa? Yang utamanya ialah aurat. Sudah dinyatakan di dalam al-Quran tentang kewajipan menutup aurat. Banyak yang kurang memahami konsep menutup aurat dengan sekadar memakai tudung, sekadar menutup atau lebih faham, sekadar membalut. Kaum hawa juga lupa, bukan pada pemakaian saja aurat. Akan tetapi pada suara, rupa parasnya serta lenggokan badan juga aurat. Syariat Allah bukan saja-saja. Semuanya berhikmah. Hatta kaki, anggota paling bawah juga dituntut untuk ditutup. Kaum wanita biasa melabel lelaki 'miang' sehingga lupa pada dasarnya wanitalah penariknya.

*"Tidak aku tinggalkan selepas daripadaku yang lebih berbahaya ke atas kaum lelaki daripada wanita."* (HR Bukhari dan Muslim).

Menurut Syeikh Abdullah al-Talidi, hadis ini bermaksud selepas daripada kewafatan Nabi SAW, fitnah yang paling bahaya ditinggalkan oleh Rasulullah SAW adalah fitnah wanita yang mudah lelaki tergoda. Dapat kita simpulkan, yang sebenarnya wanita itu adalah fitnah dunia dan oleh sebab itu kaum wanita adalah perhiasan. Pelik? Kerana perhiasan yang ada pada wanita itulah fitnah bagi lelaki. Terpolung individu wanita untuk menjadikan dirinya perhiasan yang menutupi fitnah atau menjadikan fitnah untuk menutup perhiasannya.



## AYAT AL-QURAN SURAH AL-ISRA' : 35 "AUDIT DALAM ISLAM"

Oleh:

Awang Juri bin Ag. Tahir @ AJAT

Maksudnya: *"Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak)."*

Kejujuran dan keadilan dalam mengukur (menakar), turut melibatkan penilaian sumber kekayaan, hutang, modal, pendapatan, pembiayaan dan keuntungan. Syariat Islam meletakkan garis panduan dalam mengurus tadbir penglibatan tersebut tidak lain tidak bukan adalah untuk menjamin hak sesama manusia dapat dipelihara, terhindar dari sebarang penzaliman dan penindasan apatah lagi merampas hak orang lain.

Dengan kepesatan perkembangan sistem perekonomian sama ada menerusi dunia perniagaan atau pengurusan harta tentunya disambut baik oleh syariat Islam. Langkah-langkah proaktif yang telah diterapkan oleh Syariat Islam dalam urus tadbir kewangan ialah pelaksanaan audit. Islam telah sekian lama memelopori konsep pengauditan dalam pengurusan harta dan kewangan umat manusia.

Audit atau pengauditan atau Pemeriksaan adalah evaluasi terhadap sebuah organisasi, sistem ataupun produk. Pihak yang kompeten, objektif dan tidak memihak untuk melaksanakan audit dikenali sebagai auditor. Tujuan auditor adalah untuk melakukan verifikasi bahawa subjek dari audit telah diselesaikan atau berjalan sesuai dengan piawai prosedur yang telah dipersetujui dan diterima.

Audit dalam kaca mata Islam bukanlah perkara yang baharu, dalam sejarah Islam, pada zaman Nabi Muhammad SAW dan khulafaur rasyidin sudah terwujud sebuah institusi yang dikenali sebagai Lembaga Hisbah. Hisbah adalah salah satu instrumen pengawasan yang diperkenalkan oleh Islam, demi menjamin mekanisme pengurusan jual beli di pasar secara sempurna. Rasulullah SAW sendiri telah menjalankan fungsi sebagai *market supervisor* atau hisbah.

Rasulullah SAW sering melakukan operasi ke pasar untuk memantau harga dan mekanisme pengurusan pasar, apabila Baginda SAW mendapati pelaksanaan jual beli dalam sesuatu perniagaan bertentangan dengan syariat Islam maka Baginda SAW akan menasihati peniaga berkenaan untuk bertaubat dan kembali kepada pematuhan syariat.

Konsep pengauditan dalam Islam berfungsi mengajak kepada kebaikan sehingga menjadi budaya murni dan menegah perihal buruk menjadi kebiasaan umum. Konsep audit dalam Islam yang berteraskan amar ma'ruf nahi mungkar tentunya mampu menjulang kemuliaan dan kecemerlangan ketokohan seorang peniaga, pemimpin, penjawat awam dan seluruh anggota masyarakat.

## KEIMANAN KEPADA ALLAH SWT (BAHAGIAN 1)

Oleh:

Abd. Rahman Tajudin @ Emang Galileo  
*Fellow CONCAVE-ISSI (Islamic & Strategic Studies Institute)*

Sesungguhnya beriman kepada Allah SWT itu adalah meyakini dengan hati secara batin tentang kewujudan Allah SWT dengan membenarkan dengan amal ibadah secara zahir. Hakikatnya kita tidak mampu melihat Allah SWT dengan mata fizikal di atas dunia ini rendah yang mempunyai tiga dimensi panjang, tinggi dan lebar.

Ini sangat jelas melalui kalam Saidina Abu Bakar As-Shiddiq RA yang mempunyai keimanan yang tersangat dalam sehingga dinyatakan bahawa keimanan Abu Bakar lebih besar dan berat berbanding keimanan umat manusia.



Berkata Saidina Abu Bakar:

الْعَجْزُ عَنْ دَرْكِ الْإِدْرَاكِ الْإِدْرَاكُ وَالْبَحْثُ عَنْ ذَاتِهِ كُفْرٌ وَإِشْرَاكٌ

Maksudnya: "Pengetahuan seseorang hamba tidak mampu untuk sampai mengetahui hakikat Allah SWT maka itu adalah sebenarnya keimanan, sedangkan mencari-cari hakikat Allah SWT, yakni dengan membayangkan-Nya adalah merupakan satu kekufuran dan syirik."

Pembayangan tentang Allah SWT akan menyebabkan kita akan tergelincir ke dalam Fahaman Mujassimah iaitu menjisimkan Tuhan dan mensifatkan dengan hal-hal jasadi dan materi yang rendah.

Kita mengimani bahawa Allah SWT itu Wujud secara hakikinya. Kewujudan alam yang maya ini adalah kesan daripada kewujudan Allah SWT yang hakiki.

Tiada keraguan tentang kewujudan-Nya yang Mutlaq. Kita beriman bahawa Allah SWT itu azali dan abadi.

Allah SWT sudah ada sebelum masa, ruang, waktu, dimensi, gerak serta makhluk tercipta. Kita beriman bahawa Allah SWT tidak sama dengan segala sesuatu pun.

Allah SWT tidak serupa dengan sifat-sifat makhluk. Allah SWT bukan jisim besar mahupun jisim kecil yang membentuk alam ini.

Allah SWT ciptakan cahaya, Dia tidak serupa dengan cahaya. Allah SWT ciptakan kegelapan, Dia tidak serupa dengan kegelapan.

Allah SWT ciptakan jisim yang halus, (jisim yang tidak dapat di pegang dengan tangan) seperti roh, malaikat, jin, iblis, cahaya, kegelapan, udara dan sebagainya. Dia tidak seperti jisim2 yang halus ini.

Allah SWT ciptakan jisim yang kasar (jisim yang dapat di pegang dengan tangan) seperti manusia, pokok, haiwan, batu, dan sebagainya. Dia tidak serupa dengan jisim2 yang kasar ini.

Allah SWT juga ciptakan sifat-sifat bagi jisim seperti, ada ukuran, bentuk, saiz, bersisi, ada batasan-batasan akhir, bergerak, berdiam diri, panjang, lebar, berpindah randah, memiliki kedalaman, berarah, bertempat, bersifat dengan sifat perasaan seperti rindu, sedih, gembira ketawa dan sebagainya. Bukan berfizikal yang berlari, berjalan, tidur, makan dan banyak lagi (sifat-sifat jisim).

Maka sesungguhnya Dia tidak serupa dengan sifat-sifat jisim tersebut. Ini dengan jelas seperti dinyatakan di dalam al-Quran al-Karim. Allah SWT berfirman:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

"Dia (Allah) tidak menyerupai sesuatupun dari makhluk-Nya (baik dari satu sudut mahupun semua sudut), dan tidak ada sesuatu pun yang menyerupai-Nya." (QS. Asy-Syura: 11).

## LINDUNGILAH HARTA MEREKA

Oleh:

Mohd Alwie Noorbaki

*Fakulti Dakwah dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia*

Sekembalinya dari perang tabuk, Rasulullah SAW menerima surat dari beberapa raja Himyar, Yaman, antara lain dari Raja Al-Harits ibn Abd Kulai dan Raja Al-Nu'man ibn Qail Dzu Ruain. Mereka mengutus Malik ibn Murrah Al-Rahawi untuk memberitahukan keislaman mereka, serta ketetapan hatinya untuk meninggalkan kesyirikan. Menerima surat-surat tersebut, baginda kemudian memerintahkan kepada beberapa sahabat untuk menulis surat balasan. Surat ini berisi penjelasan tentang hak-hak yang diperoleh orang-orang yang memeluk Islam. Serta kewajiban-kewajiban mereka; dan orang-orang yang mengikat perjanjian dari kalangan bukan Islam mendapat perlindungan dari Allah SWT dan Rasul-Nya jika mereka bersedia membayar jizyah. Selain itu, baginda juga mengutus beberapa duta ke sana, antara lain Mu'az ibn Jabal.

Muaz adalah sahabat Nabi SAW yang pakar tentang masalah halal dan haram. Dia lahir di Madinah sekitar 20 tahun sebelum hijrah. Dia mengenal Islam pertama kali melalui Mus'ab ibn Umair, yang datang ke Yasrib kerana, diutus oleh Rasulullah SAW untuk menyebarkan Islam di kota itu. Mus'ab ibn Umair tiba di Yasrib menjelang hijrah. Begitu mendengar seruan itu, Muaz yang kala itu baru berusia sekitar 20 tahun langsung menyatakan keislamannya. Tak aneh jika dia kemudian termasuk di antara 72 orang yang hadir Perjanjian 'Aqabah kedua yang terjadi setahun sebelum hijrah. Ketika Nabi SAW telah berhijrah ke Madinah.

Mu'az ibn Jabal selalu melewati hari-harinya di tempat baginda. Di bawah bimbingan Baginda, dia mempelajari al-Quran dan hukum Islam sehingga segera dikenal sebagai sahabat yang pakar di bidang ini. Selain itu, dia juga diberi kepercayaan sebagai salah seorang di antara enam orang yang diperintahkan Nabi SAW untuk menghimpun Al-Quran, serta diberi kepercayaan untuk memberikan fatwa bersama Umar ibn Khattab, Utsman ibn Affan, Ali ibn Abi Thalib, Ubay ibn Ka'ab dan Zaid ibn Sabit.

Sebelum Mu'az bertolak ke Yaman, Rasulullah SAW berpesan kepadanya, "Mu'az engkau akan mendatangi ahli kitab. Ajaklah mereka bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah dan aku adalah utusan-Nya. Jika mereka menyambut ajakan itu, beritahukanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan kepada mereka solat lima waktu sehari dan semalam. Jika mereka mematuhi, beritahukanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan zakat yang dipungut dari orang-orang yang berkecukupan, lalu dikembalikan kepada orang-orang yang kekurangan. Jika mereka mematuhi, lindungilah harta mereka yang bernilai, dan takutlah terhadap doa orang yang di zalimi. Sebab, antara doanya dan Allah SWT tiada penghalang apa pun."



## KETAATAN MAKHLUK BERNAMA MALAIKAT (BAHAGIAN 3)

Oleh:  
Abdu Khalil bin Hassan

Dalam al-Quran, Allah SWT telah berfirman yang membawa maksud: *"Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya". Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jua lah tempat kembali."* (Al-Baqarah: 285).

Dalam ayat ini Allah SWT menggambarkan betapa keimanan kepada malaikat merupakan antara asas dan pokok keimanan bagi seorang mukmin. Malahan dalam ayat yang lain Allah SWT mengancam dengan kesesatan bagi mereka yang tidak mahu beriman dengan kewujudan makhluk ghaib yang diciptakan dari cahaya bernama malaikat. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad SAW), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh."* (An-Nisa' 4:136).

Dalam sebuah Hadith ketika Nabi SAW ditanya oleh malaikat Jibril berkenaan iman, *"iaitu hendaklah engkau beriman kepada Allah, Malaikat-malaikat-Nya, Kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya dan hari kiamat dan engkau beriman kepada qada' dan qadar sama ada baik maupun yang buruk."* (HR. Muslim dan Al-Bukhari).

Berdasarkan kepada hadith tersebut, Rasulullah SAW menjelaskan iman itu ialah dengan mempercayai semua rukun tersebut sedangkan beriman kepada malaikat adalah sebahagian daripada kesempurnaan rukun iman tersebut. Kewujudan malaikat ditetapkan berdasarkan dalil-dalil yang *qath'iy* (pasti), sehingga mengingkari kewujudannya boleh jatuh kufur berdasarkan ijma' kerana ingkar kepada kewujudan mereka bererti menyalahi kebenaran Al-Quran dan As-Sunnah.

Ketaatan malaikat yang amat luar biasa kepada penciptanya iaitu Allah SWT turut dirakamkan dalam sebuah hadith baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Apakah kalian mendengar suara itu?" maka para sahabat menjawab, "Kami tidak mendengar apa-apa wahai Rasulullah." Maka Rasulullah SAW kemudian bersabda, "Sesungguhnya aku mendengar suara langit bergemuruh dan hampir-hampir merobohkannya, Sebab tidak ada satu jengkal pun ruang di langit kecuali ada malaikat sedang sujud atau berdiri solat."* (HR. Muslim).

## AYAT-AYAT RUQYAH

Oleh:

Mohd Alwie Noorbaki

*Fakulti Dakwah dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia*

Ayat-ayat Ruqyah merupakan ayat-ayat Al-Quran khusus yang dipilihkan Nabi SAW untuk mengobati seseorang yang datang kepadanya. Ada dua sumber Hadis yang mengisahkan hal ini, yaitu dari Ibn Majah dan Musnad Imam Ahmad.

Dalam musnad, hadis tersebut diriwayatkan dari Ubay ibn Ka'ab dia berkata: "Aku berada di sisi Nabi SAW, kemudian datanglah seorang Arab badwi dan berkata: Wahai Nabiyullah, saya mempunyai seorang saudara lelaki yang sedang sakit."

Nabi bertanya, "apa sakitnya?" Dan dia menjawab, "Dia terkena penyakit gila." Nabi bersabda: "Bawa dia kemari" Kemudian dia dihadapkan kepada baginda dan Nabi SAW memohon perlindungan untuknya dengan membaca:

- Al-Fatihah
- Al-Baqarah 1 - 4
- Al-Baqarah 163
- Al-Baqarah 255
- Al-Baqarah 284 - 286
- Al-Imran 18
- Al-Araaf 54
- Al-Mu'minin 116
- Al-Jin 3
- Asy-Syafaat 1 - 10
- Al-Hasyr 22-24
- Al-Ikhlas
- Al-Falaq dan
- An-Nas

"Maka berdirilah lelaki itu seakan-akan dia tidak pernah terkena sakit sama sekali." (Musnad Ahmad 20237 juga Sunan Ibn Majah 3539).

Dari urutan ayat-ayat inilah kemudian para ulama menambahkan beberapa ayat dalam al-Quran untuk melengkapinya, baik melengkapi ayat-ayat dari surah itu sendiri ataupun ayat-ayat baru yang berhubungan dengan sihir, syaitan, jin, azab dan lain-lain. Ayat-ayat tersebut kemudian dikenal dengan ayat-ayat Ruqyah.

## PENGENALAN BICARAWARA FALAK

Oleh:

Mohammad Fazli bin Haji Tikson  
*JHEAINS Tungku*

Kita sering mendengar perkataan "falak" atau "astrologi Islam" tetapi tidak ramai yang mengetahui skop makna sebenar falak dan asal muasal ilmu ini dibentangkan kepada kita. Ilmu falak adalah ilmu berkaitan tentang segala makhluk ciptaan Allah SWT secara amnya. Namun ilmu falak juga membicarakan tentang objek langit dan bumi, termasuklah bintang, bulan, planet dan cakerawala seluruhnya. Firman Allah SWT dalam surah Yaasin, ayat 40 yang bermaksud: *"Tidaklah mungkin bagi matahari mendapatkan bulan dan malam pun tidak akan mendahului siang. Dan masing-masing beredar pada falak (garis) edarannya"*. Secara mudahnya, dapatlah kita fahami bahawa, ilmu falak adalah ilmu yang membicarakan tentang pergerakan jasad-jasad samawi, khususnya bulan, bintang, matahari, planet dan sebagainya.

Perkembangan ilmu falak diasaskan oleh Nabi Idris AS melalui wahyu yang diberikan oleh Allah SWT dan diwariskan kepada rangkaian manusia sehinggalah sampai kepada ulama-ulama falak seperti al-Khawarizmi, Ibn Yunus as-Safadi, Al-Biruni, Ulugh Begh dan ramai lagi. Tujuannya tidak lain hanya mengambil iktibar dari penciptaan alam sepertimana dalam firman Allah SWT: *"Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi serta pertukaran siang dan malam benar-benar menjadi tanda (keagungan Allah SWT) bagi mereka yang mahu berfikir"* (Surah al-Imran: 190). Kegemilangan Islam banyak menyumbang kepada tercetus dan bangkitnya semula ilmu falak dalam kalangan Islam ketika pemerintahan kerajaan Abasiyah yang dipimpin oleh Khalifah al-Ma'mun dengan membina Baitul Hikmah sebagai pusat kajian pada ketika itu.

Di Nusantara tidak terkecuali menerima tempias terhadap kajian-kajian falak sehingga terlahir ulama-ulama yang hebat seperti Sheikh Jalaluddin Osman, Sheikh Ahmad Daud Fathoni, Sheikh Abdullah Fahim dan ramai lagi. Kajian mereka pula termasuk takwim pertama yang dibuat ditengah Melayu adalah takwim tahunan berdasarkan kalendar bulan Islam oleh Sheikh Abdullah Fahim, yang juga terlibat dalam memberi nasihat tentang tarikh kemerdekaan Malaysia iaitu 31 Ogos 1957, yang dilancarkan kemerdekaan pada hari jumaat (saiyidul Ayyam).

Ilmu falak ini adalah ilmu yang telah hilang dari "tangan" orang Islam sehingga kita hanya bergantung kepada agen barat untuk mengetahui fenomena falak yang berlaku disekeliling kita. Seperti yang terbaru pada 22 Jun 2020 berlaku gerhana separa matahari. Bagi mereka yang mengetahui kepentingan ilmu falak, mereka akan turun padang untuk turut sama membuat kajian. Jauh sekali untuk menjadi tukang tilik, bahkan hanya mencari tanda kebesaran Allah SWT melalui kejadian-kejadian langit dan di bumi untuk dijadikan pedoman hidup di dunia. *"Semakin kita mengenali makhluk Allah, semakin dekatlah kita kepada Allah"* - Sheikh Muhammad Zakariya al-Qazwini (Kitab Ajaibul Makhluqat).

Wallahu a'lam.

### RUJUKAN:

Al-Quran dan Tafsir.

- Ajaibul Makhluqat Wa Gharaibul Maujudat Karangan Sheikh Muhammad Zakariyya Al-Qazwini: 2017.
- Buku Bicarawara Sains Islam, Karangan DR. Mat Rofa Ismail: 2016.

## "YOU ARE WHAT YOU EAT"

Oleh:  
Adi Pitang

Ustaz! Ustaz Kahar tanya, mau makan apa malam ini?" Whatsapp dari Hafizh, pegawainya di Bahagian Pentadbiran Syariah yang sama-sama melaksanakan audit pengurusan perkahwinan pada Selasa lalu di pejabat JHEAINS Tawau. "Makanan yang tidak terlampau berat sangat dan terserah pada kawan-kawan." Jawabku. "Roti Nan mahu?" Tanyanya lagi. Ngam! Balasku.



*Penulis makan mee Tauhu bersama rakan-rakan staf ibu pejabat*

Malam itu kami makan di sebuah restoran "kaling" di Bandar Tawau. Pelbagai jenis roti dituliskan dalam menu restoran itu. Restorannya kelihatan bersih, penjarakan sosial dalam pengaturan meja dan kerusi jelas dipatuhi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini. "Pagi besok mahu makan apa ustaz?" Tanya ustaz Kahar Pegawai Tadbir Agama JHEAINS Tawau. Nasi kuning! Jawabku spontan hahaha! Tawau terkenal dengan nasi kuningnya dan mee tauhu.

Rezekiku pada awal paginya, bila imam Sofian, imam Kariah Titingan mengajakku makan nasi kuning di Kedai Hj. Tamrin yang memang cukup dikenali di daerah ini. Suatu yang agak unik, setiap daerah di Sabah mempunyai makanan yang sudah menjadi *trademark* bagi daerah berkenaan. Sipitang umpamanya, Ehem! Memang terkenal dengan sate, kuih jelurut dan kelupisnya (daerah lain pun ada tapi promosi untuk makanan ini dibuat secara besar-besaran oleh Jawatankuasa GATA Sipitang sebelum ini, sehingga dicatatkan dalam *Malaysia Book Of Record*, terkenalkah tu? Hahaha).

"*You Are What You Eat*" adalah menggambarkan tentang kesihatan diri dari makanan yang kita makan. Sebagai seorang Islam tentunya, kita memerlukan makanan halal dan baik (toyyib) untuk membangunkan jiwa dan rohani kita. Apa yang dihidangkan dalam warna warni makanan masyarakat kita cukup menyebabkan kita kalah melawan nafsu makan kita. Semuanya nampak menyelerakan. Dari meja makan rumah, gerai dan restoran biasa dan mewah menjanjikan makanan yang "kena" dengan selera. Kepelbagaian kreativiti masakan, dengan nama dan jenama yang berlainan, samada dari dalam dan luar negara memerlukan perhatian dalam kita. Apakah makanan yang dihidangkan itu halalan toyyiban? Walaupun mungkin penggemar makanan beratur panjang untuk mendapat dan menikmati makanan berkenaan. Solusinya cukup mudah, pastikan ada logo Halal Malaysia yang dipamer dalam premis itu. Logo Halal Malaysia menggambarkan makanan itu adalah halal dan selamat (toyyib) untuk dimakan.

"Jangan beli gula-gula tu kakak?" Tegurku pada Alma, anak sulungku yang berumur 10 tahun semasa berada di salah sebuah kedai 24 jam. "Ada logo Halal babah", Jawabnya bersahaja disokong oleh adik-adiknya. Oh! Terpaksa bayar sebab halal. Tujuan teguran tu "jangan makan gula-gula" tapi kerana berlogo Halal terpaksa merelakan juga, hahaha.

## TANGGUNGJAWAB SESAMA MUSLIM

Oleh:

Ustaz Mohd Azlan bin Haji Bakri

*Pensyarah Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS), Kinarut, Papar*

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ  
الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ  
وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ  
مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

[ رواه البخاري ]



### MAKSUD HADIS

Daripada Abdullah bin Umar R.Anhuma menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim yang lain, dia tidak boleh menganiaya (menzalimi) dan tidak akan dianiaya (dizalimi) oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan (menyempurnakan) hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan (menyempurnakan) hajatnya. Sesiapa yang melapangkan satu kesukaran (kesusahannya) seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan satu kesukarannya (kesusahannya) dari kesukaran-kesukaran (kesusahannya) pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat."

(Riwayat Imam Bukhari)

### HURAIAN HADIS

Hadis di atas menerangkan berkenaan tanggungjawab sesama Muslim. Agama Islam melarang keras perbuatan menzalimi atau menganiayai Muslim yang lain dan membiarkan Muslim yang lain dizalimi kerana agama Islam mementingkan ikatan persaudaraan sesama Islam.

Setiap Muslim juga perlu saling membantu dan meringankan beban, apabila ada di antara Muslim yang lain ditimpa musibah serta kesulitan. Orang yang berbuat demikian, Allah SWT akan memperkenankan hajatnya dan melapangkan kesukarannya ketika di hari kiamat. Seterusnya menjadi tanggungjawab seorang Muslim untuk menutup aib atau keburukan Muslim yang lain kerana orang yang menutup aib atau keburukan saudaranya semasa di dunia, nescaya Allah SWT akan menutup aibnya semasa di akhirat kelak.

### PENGAJARAN HADIS

1. Setiap Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain.
2. Menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk membantu saudaranya yang memerlukan bantuan, melapangkan kesempitan saudaranya, menutup kekurangan atau aib saudaranya, membantu ketika saudaranya dizalimi dan tidak menzalimi saudaranya.

#### RUJUKAN:

- Bahjatun Naazhirin Syarah Riyaadus Sholihin, Syeikh Salim Bin 'Ied al-Hilali, Pustaka Imam Asy-Syafii, Cetakan Ketujuh, 2012.
- Mukhtasar Sahih Bukhari, Dr Musthafa Bugha, Pemiagaan JAHABERSA, Cetakan Pertama 2013.

# Peristiwa

Lawatan ke lokasi, Yang Berbahagia Datuk Ustaz Haji Saifulzaman bin Sangul, Pengarah JHEAINS melihat Pematuhan Pelaksanaan SOP hari pertama selepas dibenarkan meneruskan persekolahan pelajar Sekolah Menengah Agama Toh Puan Hajah Rahmah Kinarut Papar, Lawatan ini disertai Ustaz Abdul Rahman Haji Talipudin, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan dan Puan Jonisah Harimin, Pengetua Sekolah berkenaan pada hari khamis 2 Julai 2020.





# Peristiwa

**Program Tautan Kasih Syawal anjuran Bahagian Dakwah JHEAINS dan MyAMAL Sabah bersama Yang Berbahagia Datuk Ustaz Haji Saifulzaman bin Sangul, Pengarah JHEAINS, Turut hadir Puan Dayang Kamariah Haji Yahya Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JHEAINS, Pengerusi MyAMAL Sabah Encik Salleh Mohammed di Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Makanan dan Peralatan Solat kepada 20 keluarga Asnaf dan anak-anak Yatim di tiga buah kampung iaitu Kampung Momoitom Kemabung Tenom, Kampung Meninipir Keningau dan Kampung Monsok Tengah Tambunan pada 20 dan 21 Jun 2020.**



KAMI AMAT MENGHARGAI MAKLUM BALAS ANDA



*Sila scan saya untuk sebarang cadangan dan penambahbaikan Shoutul Islam*

# PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)



MEMAKAI TOPENG/PENUTUP MULUT (FACE MASK)



ELAKKAN BERADA DI TEMPAT SESAK



MENJARAKKAN DIRI 1 METER



KERAP MEMBASUH TANGAN DENGAN AIR/SANITIZER



MENUTUP MULUT KETIKA BATUK



DICETAK OLEH PEMANGKU PENCETAK KERAJAAN,  
ROLAND FRED PHAN, A.D.K., B.S.K., JABATAN CETAK KERAJAAN,  
SABAH, MALAYSIA.  
2020.



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

Tingkat 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS, Beg Berkunci 103, 88737, Kota Kinabalu, Sabah.

NO. TEL 088-222 435 / 222 436 NO. FAX 088-257 358/239 415 LAMAN SESAWANG <http://www.jheains.sabah.gov.my>